

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL  
RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada APCO yang telah dilantik oleh Kerajaan sebagai "Consultant" masih kekal sebagai perunding atau sebaliknya. Jika perkhidmatannya telah ditamatkan, bilakah ia ditamatkan dan jika masih memberi khidmat kepada Kerajaan, nyatakan terma rujukan, imbuhan yang diterima sama ada secara bulanan atau sebaliknya dan tempoh penamatan khidmatnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

APCO Worldwide Inc telah dilantik oleh Kerajaan sebagai perunding bagi Perkhidmatan Strategik Communication, Public Relation dan Press Outreach dan Public Affairs & Government Affairs Services mulai 03 Jun 2009 dan telah tamat pada 31 Disember 2011. Jumlah kos keseluruhan bayaran perkhidmatan tersebut adalah mengikut kontrak yang dipersetujui antara pihak Kerajaan dan APCO.

Sekian, terima kasih.